

Seni silat boleh bentuk menjadi berani

Salah seorang daripada mereka ialah Raja Sekar anak lelaki Moorthi, 19. Beliau yang mengikuti latihan itu sejak berusia 13 tahun kini berjaya memperoleh tali pinggang hitam.

17 NOV 1985
Ditanya bagaimana dia boleh menceburkan diri dalam kegiatan itu katanya, "Sewaktu kecil dulu, saya terlalu penakut, tidak boleh tengok orang bergaduh. Kemudian bapa memasukkan saya ke kelas Seni Silat Kalari Payat ini.

"Waktu baru masuk, iaitu ketika di peringkat tali pinggang putih dan kuning, saya masih takut-takut dan tidak berani berlatih menggunakan senjata tajam. Tapi, apabila dah sampai ke peringkat tali pinggang merah, cokelat dan hitam, saya tidak takut lagi," cerita Raja Sekar. **B. Minggu (M)**

Meskipun Raja Sekar sudah pun mendapat tali pinggang hitam, dia akan terus mendalami ilmu seni mempertahankan diri ke peringkat yang lebih tinggi. Menurutnya, berlatih dengan maha guru Haji Hamzah tiga kali seminggu.

"Sejak membabitkan diri dalam kegiatan itu, Raja Sekar yang kini menuntut dalam tingkatan enam, tidak mempunyai banyak masa lapang. Kebanyakan masanya dihabiskan untuk mengulang kaji

pelajaran sekolah dan berlatih silat.

"Kerana masa amat terhad, saya tidak berkesempatan untuk bergaul dengan budak-budak nakal dan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah," tambah anak muda itu lagi.

Seorang lagi peserta Silat Kalari Payat ialah Oon Hooi Yeang. Beliau menyertai latihan seni silat itu, sejak tiga bulan lalu.

Oon Hooi Yeang memang tidak asing lagi dalam bidang seni mempertahankan diri. Menurutnya, sebelum itu, dia telah banyak menuntut ilmu seni mempertahankan diri seperti judo, karate, akrobatik dan beberapa jenis silat Melayu.

Bagaimanapun, katanya dalam banyak-banyak jenis yang disertai, silat Kalari Payat paling saya sukai kerana ia mempunyai banyak keistimewaan.

"Sudah lama saya mengetahui, mengenai kebaikan silat Kalari Payat, hanya sekarang saya berkesempatan mempelajarinya," kata Oon Hooi Yeang.

Menurutnya lagi, banyak kebaikan yang boleh kita dapati daripada kegiatan seni mempertahankan diri.

"Permainan ini memerlukan tumpuan yang sepenuhnya. Oleh itu, sewaktu latihan, kita

boleh melupakan segala masalah dan kesulitan yang dihadapi. Selain itu, badan kita akan jadi sihat dan hati sentiasa senang," terang Oon Hooi Yeang.

Seorang lagi yang bersependapat dengan Oon Hooi Yeang ialah Mohd Noor Alipiah. Beliau yang suka kepada permainan lasak itu berkata, "Saya menyertai kegiatan seni silat ini untuk kecergasan badan."

Zuhera Haji Hamzah, 10 tahun, tidak ketinggalan untuk mengikuti kelas latihan silat Kalari Payat yang kendalikan oleh bapanya. Menurut Zuhera, sewaktu di rumah pun, dia sentiasa berlatih dengan abangnya.

Kalari Payat sebenarnya berasal dari India dan dipercayai lahir kira-kira 13 abad yang lalu. Bagaimanapun, ia hanya wujud di Malaysia pada 1974.

Pengasas Kalari Payat Malaysia ialah Uztaz Haji Hamzah Haji Abu, pemegang tali pinggang hitam Dan (peringkat yang tertinggi). Bersama Uztaz Bakar Hamzah beliau menubuhkan Institut Kalari Payat yang pertama di Bangsar pada Mac 1974.

Institut itu masih berjalan hingga kini, bertempat di Bangunan Tenaga Buruh KPLLN, 30, Jalan Liku, Off Jalan Bangsar, Kuala Lumpur. Kelasnya dibuka setiap Ahad,